

03 AUG 2003

I

ABDUL MALIK MYDIN MULAKAN RENANGAN RENTAS SELAT INGGERIS

Oleh: Asan Ahmad

DOVER, 3 Ogos (Bernama) -- Perenang maraton Malaysia Abdul Malik Mydin memulakan renangan untuk merentasi Selat Inggeris sejauh 32.8km pada pukul 2.08 pagi waktu London (9.08 pagi Malaysia) hari ini.

Perenang 28 tahun itu memulakan renangan dari pantai Abbots Cliff, kira-kira 10km dari sini, 12 hari selepas dijadualkan membuat renangan itu.

Usaha Abdul Malik itu akan dipantau oleh para pegawai Persekutuan Renang dan Pengemudian Selat (CSPF) yang menaiki bot Aegean Blue yang dikemudi oleh setiausaha kehormat CSPF, Michael Oram,

Abdul Malik dijangka akan menamatkan renangannya di Cape Gris Nez, Calais, Perancis dalam masa 14 jam.

Antara yang memberikan perangsang kepada Abdul Malik di tempat permulaan ialah pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar Malaysia Datuk Kamaruddin Mohd Nor, Pegawai Daerah Seberang Prai Utara Datuk Abdul Ghani Ariffin dan para diplomat Malaysia di sini.

Kira-kira setengah jam sebelum itu, Abdul Malik telah menerima nota pesanan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mendoakan kejayaannya serta menasihatinya supaya tidak takut atau bimbang.

-- BERNAMA

AHA MFJ MOZ